



SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2003

ARAHAN SUPAYA SETIAP AGENSI/JABATAN/BAHAGIAN/UNIT MEWUJUDKAN SISTEM REKOD YANG KEMASKINI MENGENAI SETIAP RUNDINGAN DAN PERJANJIAN DENGAN NEGARA-NEGARA ASING MENGIKUT KRONOLOGI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

MALAYSIA

Kepada: Ketua-ketua Agensi
Ketua-ketua Jabatan
Ketua-ketua Bahagian
Ketua-ketua Unit

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penerangan dan panduan kepada semua Ketua-ketua Agensi, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Unit di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mewujudkan satu Sistem Yang Kemaskini Mengenai Setiap Rundingan Dan Perjanjian Dengan Negara-negara Asing Mengikut Kronologi bagi mengelakkan kejadian fakta-fakta terlepas pandang ketika mesyuarat atau rundingan diadakan yang kelak akan merugikan negara.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah ekoran arahan dari Y.Bhg. tan Sri Ketua Setiausaha Negara melalui suratnya rujukan PM(R)11880/A/0106/6 bertarikh 11 february 2003. Arahan tersebut adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan penyertaan delegasi Malaysia dalam setiap mesyuarat atau rundingan di peringkat antarabangsa, delegasi negara perlu melengkapkan diri dengan maklumat yang mencukupi lagi terkini mengenai perkara-perkara yang akan dibangkitkan. Ini adalah supaya setiap keputusan atau pendirian yang diambil mendatangkan keuntungan dan mengelakkan kerugian kepada negara.

2.2 Selaras dengan hasrat tersebut, Kementerian-kementerian juga perlu menjalinkan hubungan erat dan bekerjasama antara satu sama lain dan sentiasa berkongsi maklumat terkini yang boleh meningkatkan keberkesanan penyertaan delegasi negara dalam sesuatu mesyuarat atau rundingan.

3. BUTIRAN ATAU DOKUMEN YANG PERLU DISIMPAN DAN DIKEMASKINI

3.1 Ketua-ketua Agensi, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Unit hendaklah membuat catatan dan merekodkan dengan jelas mengenai **tarikh mesyuarat atau rundingan, anggota-anggota yang mewakili kedua-dua negara, perkara-perkara yang dibangkitkan, keputusan-keputusan yang dicapai, pendirian-pendirian yang kita ambil dalam sesuatu isu, pandangan-pandangan daripada negara-negara asing yang terlibat, cadangan-cadangan yang kita kemukakan, draf-draf perjanjian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.** Disamping itu, rekod mengenai pendirian negara seperti yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri juga hendaklah disimpan supaya mudah dirujuk jika berlaku percanggahan dalam pendirian yang tercapai dalam sesuatu rundingan.

3.2 Maklumat, fakta dan keputusan-keputusan mengenai perkara tersebut perlu disimpan secara sistematik dan selamat supaya rekod-rekod tersebut mudah dikesan dan diperolehi jika sesuatu perkara berhubung mesyuarat atau rundingan tersebut ingin dirujuk kembali di masa-masa akan datang.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' AZMAN BIN ABDUL RASHID)

Tarikh : 28 Februari 2003